

# **“Tamadun Awal Jepun : Orang Wa Perintis Pembinaan Peradaban Negara Bangsa Yamato”**

**Jaafar Jambi**

*Abstract: Since the exodus of the Asian people to the island of Japan various knowledge and technologies from the mainland were introduced to the new world. These knowledge and technologies had been used wisely through the process of assimilation and adaptation toward the new environment. The outcome of this processes were the emerging of a new breed of people called Wa. The people of Wa started building their country's civilization beginning from the unification the Uji groups to the setting up of a country called Yamato. The Yamato reached a civilized nation status when it fulfilled the basic criteria of civilization which include criteria such as there must be a human residence and a few city centres, stable life span of the people, existence of social organizations and institutions and other characteristics.*

**Keywords: Negara Yamato, Jepun, orang Wa, Negara China, Asas Peradaban**

## **Pengenalan**

Negara Jepun merupakan sebuah kepulauan yang terletak di timur benua Asia yang mengandungi empat pulau utama iaitu Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu dan empat ribu pulau-pulau kecil. Kepulauan Jepun memanjang dari hujung sebelah utara sehingga hujung sebelah selatan yang berukuran lebih kurang 3000 kilometer. Keempat-empat pulau utama itu

merupakan tumpuan tempat tinggal dan aktiviti penduduk Jepun.<sup>1</sup>

Kepulauan Jepun terletak di garisan latitud 45° 33' utara dan 20° 25' selatan, di garisan longitud 122° 56' timur dan 153° 59' timur. Kepulauan ini mengalami iklim hawa sederhana dengan empat musim iaitu dari Julai ~ September adalah musim panas, Oktober ~ Disember adalah musim luruh/gugur, Januari ~ Mach adalah musim sejuk dan April ~ Jun adalah musim bunga.

Kepulauan Jepun terletak dalam lingkaran gunung berapi aktif Asia Pasifik. Oleh yang demikian hasil daripada aktiviti gunung berapi ini terdapat banyak gunung berapi dan kawasan bergunung ganang yang terbentuk di negara Jepun. Kawasan pergunungan ini meliputi kawasan yang luas menyebabkan kawasan tanah rata sangat sedikit sekali. Hanya 30 peratus sahaja kawasan rata yang membolehkan aktiviti manusia dijalankan dan di kawasan yang kecil inilah orang-orang Jepun tinggal dan menjalankan kehidupan seharian mereka..

### Catatan Awal Berkenaan Negara Jepun

Pada kurun ke 3 M penghijrahan manusia telah berlaku daripada semenanjung Korea ke kepulauan Jepun. Beberapa kurun kemudian mereka telah menukar budaya zaman batu mereka kepada budaya pertanian dan seni logam. Dapat dipastikan bahawa kumpulan yang pertama inilah yang menjadi pewaris bahasa dan budaya Jepun.

Catatan sejarah tentang negara Jepun ini banyak didapati daripada catatan-catatan oleh pencatat-pencatat kerajaan negara China. Pada 82 M, catatan terawal tentang negara Jepun adalah catatan yang menyebut mengenai orang *Wa* (CET) yang dikatakan tinggal di pulau-pulau seberang laut dari Loulang, sebuah pangkalan tentera China di utara semenanjung Korea.<sup>2</sup> Mengikut catatan kedua dalam *The History Of later Han* pada 445<sup>3</sup> pula menyatakan, "According to Hou Han Shu (*The History Of Later Han*) compiled about 445), the Chinese emperor Guangwu presented a seal and a ribbon to the *Wa* ruler of Na, thought to have been located in north Kyushu". Berkaitan dengan it mohor (seal) yang tertulis "*Raja wilayah*

*Na dalam negara Wa di bawah naungan Dinasti Han” yang disahkan kesahihannya telah dijumpai dekat Shikanoshima di Fukuoka wilayah Kyushu.*

Negara Jepun telah mengadakan perhubungan dengan negara China sejak 200 M lagi dan telah menjadikan negara China sebagai negara perlindungannya. Keakraban kedua-dua negara ini telah memperlihatkan aktiviti peniruan di pihak negara Jepun dari segi bentuk kerajaan, agama Buddha dan sistem tulisan daripada negara China. Catatan-catatan ini merupakan tulisan utusan-utusan kerajaan negara China yang dihantar ke negara Jepun.

*“When they (Japanese) go on voyages across the sea to visit China, they always select a man who does not comb his hair, does not rid himself of fleas, lets his clothing get as dirty as it will, does not eat meat, and does not lie with women.....”*

(Ganley A.C, 1989:15)

Catatan di atas telah diterbitkan pada 297 M yang menerangkan keadaan orang Jepun apabila mereka datang melawat negara China. Walaupun perhubungan dengan negara China sudah terjalin tetapi tidak meluas kerana kerajaan Yamato (kerajaan pertama negara Jepun) masih belum terbentuk. Kalau di banding dengan orang China, orang Jepun yang digambarkan di atas itu sangat mundur dan mempunyai pemikiran yang karut. Mereka percaya jika perjalanan mereka selamat orang hodoh yang digambarkan di atas itu akan diberikan hadiah dan jika perjalanan mereka ditimpa bencana dan kecelakaan, orang itu akan dibunuh kerana dikatakan melanggar pantang.

*“When lowly meet men of importance on the road, they stop and withdraw to the roadside. In conveying messages to them or addressing them, they either squat or kneel with both hands on the ground. This is the way they show respect. When responding, they say ‘ah’, which corresponds to the affirmative ‘yes’.”*

(Takeuchi L, 1999:2)

Di dalam satu lagi catatan yang direkodkan pada 297 M juga pencatat kerajaan negara China ada melaporkan tentang bagaimana orang Jepun memberi hormat kepada seseorang yang mempunyai status yang lebih tinggi daripada mereka. Mereka samada akan mencangkung atau pun melutut dengan kedua-dua tapak tangan di tanah sambil menyahut pertanyaan dengan berkata 'ah' yang bererti 'ya'.

Catatan-catatan di atas merupakan catatan yang dilakukan oleh utusan atau wakil kerajaan negara China. Negara China merupakan negara luar yang pertama yang mempunyai perhubungan dengan negara Jepun sebelum pembentukan negara Jepun awal iaitu negara Yamato. Pada ketika itu masyarakat Jepun hidup dalam kumpulan-kumpulan masyarakat yang dikenali sebagai *uji* seperti mana yang tertera di bawah ini.

*“During the reigns of Huan-ti (A.D. 147-168) and Ling-ti (A.D. 168-189) the country of Wa was in state of great confusion, war and conflict raging on all sides. For a numbers of years, there was no ruler. Then a woman named Himiko appeared. Remaining unmarried, she occupied herself with magic and sorcery and bewitched the populace. “*

(Ganley A.C, 1989:16)

Catatan ini telah diterbitkan pada 445 M. semasa pemerintahan Maharaja Huan-ti dan Ling-ti di China. Utusan kerajaan telah melaporkan tentang keadaan huru hara negara *Wa* (Jepun kuno) dalam kancah peperangan dan ketidakstabilan. Setiap *uji* mempunyai seorang ketua (perempuan atau lelaki) dan beberapa orang pembantu bagi mentadbir kumpulan mereka. Semua kumpulan *uji* ini mengamalkan animisme dengan mempunyai *kami* (tuhan) yang berbeza-beza mengikut kumpulan *uji*. Oleh kerana setiap *uji* mempunyai pentadbiran yang berbeza-beza maka salah faham tentang wilayah sering membawa kepada peperangan. Peperangan di antara *uji* ini kerap berlaku sehingga *Himiko* (seorang ketua kumpulan *uji* perempuan) dapat menguasai kumpulan-kumpulan *uji* yang lain dan memerintah kumpulan

yang besar itu dengan menggunakan ilmu hitam dan ajaran karut untuk menakut-nakutkan ahli masyarakat supaya patuh kepadanya.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan di atas dapat dilihat bahawa perhubungan antara negara Jepun dengan negara China telah terjalin sejak dari awal lagi. Negara China pada ketika itu telah pun menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun tinggi. Oleh yang demikian segala urusan dengan negara luar telah direkodkan. Catatan di atas menunjukkan bahawa maharaja China berkenan memberikan hadiah yang merupakan lambang persahabatan di antara kedua negara. Perhubungan ini telah mendatangkan banyak kebaikan kepada pihak negara Jepun di mana maharaja-maharaja yang memerintah Jepun telah meniru cara atau gaya orang China dan Korea mentadbir negara. Di bawah adalah catatan mengenai kehidupan orang Jepun pada masa itu.

*"There are about 100,000 households. It is customary to punish murder, arson and adultery with death. Thieves are made to make restitution in accordance with the value of goods stolen. .... . As for musical instruments, they have five-stringed lyres and flutes. Both men and women paint marks on their arms and spots on their faces and have their bodies tattooed. They catch fish by diving into the water. They have no written characters and understand only the use of notched sticks and knotted ropes."*

(Ganley A.C, 1989:16)

Catatan wakil utusan kerajaan negara China pada 630 M yang melaporkan tentang kegiatan kehidupan masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun pada masa itu berjumlah sebanyak 100 ribu keluarga dan mereka juga mempunyai peraturan-peraturan mengenai hukuman mati terhadap pembunuhan, pembakaran rumah dan perzinaan. Dicatatkan juga alat-alat muzik yang dimainkan oleh orang Jepun iaitu alat muzik petikan dan seruling. Rupa bentuk orang Jepun juga diterangkan di mana orang lelaki dan perempuan

mewarnakan tanda di tangan mereka dan menandakan tompok-tompok di muka serta membuat "tattoo" di badan mereka. Mereka menangkap ikan dengan menyelam. Mereka tidak mempunyai sistem tulisan dan berhubungan dengan menggunakan tanda takekan di kayu serta ikatan kayu.

### Asal Usul Orang Jepun

*Nihon* atau *Nippon* (âe,g) adalah nama negara Jepun dalam bahasa Jepun yang bermakna "Tanah Matahari Terbit" yang juga disebut *Yamato* dalam catatan kuno. Pada kurun ke 7 M, pada kali pertamanya perkataan *Nihon* ini digunakan oleh para cendekiawan Korea yang datang ke negara Jepun. Pada zaman Meiji (1868~1926) dan zaman Taisho (1912~1926) perkataan *Nihon* diubah kepada *Nippon* bagi memberikan impak kepada semangat kenegaraan tetapi selepas tamatnya Perang Dunia Kedua istilah *Nihon* digunakan semula.

Terdapat 3 teori tentang asal usul orang Jepun iaitu a) mereka dikatakan berasal daripada orang Ainu (proto-caucasoid), b) berasal daripada orang Mongoloid (China-Mongolia), dan c) berasal daripada orang Nusantara (Asia Pasifik). Mengikut sejarah orang Ainu telah menduduki negara Jepun 5000 tahun lebih awal daripada orang Mongoloid. Orang Ainu ini berhijrah ke pulau Hokkaido dan Honshu dan mereka ini berketurunan *caucasian* di mana kaum lelaki mereka mempunyai kulit berwarna putih dan mempunyai bulu di muka dan badan. Orang Ainu dikatakan berasal dari bahagian timur laut Asia. Di Jepun ahli geologis telah menemui tulang rangka haiwan yang hidup di utara Asia semasa zaman *Pleistocene* lebih kurang 100,00~1,000,000 tahun dahulu. Penemuan ini mencadangkan bahawa terdapat dataran penghubung (*land bridge*) yang menghubungkan pulau-pulau dengan benua Asia yang menjadi laluan untuk penghijrahan manusia awal. Menurut ahli paleotologis orang Ainu datang ke pulau Hokkaido dan utara Honshu dengan menaiki rakit atau perahu-perahu kecil bermula sekitar 20,000 tahun dahulu.<sup>4</sup>

Pada tahun ke 8 M apabila kemasukan orang Mongoloid bertambah pesat telah menyebabkan orang Ainu ini berpindah ke utara Hokkaido. Tetapi lama kelamaan orang Ainu telah

diterima oleh masyarakat Jepun. Orang Ainu ini pada masa dahulu merupakan masyarakat primitif yang hidup dengan memburu dan memungut makanan. Kini orang Ainu mendapat perhatian daripada kerajaan Jepun untuk memastikan kumpulan masyarakat ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan yang berlaku di negara Jepun. Usaha-usaha telah dijalankan untuk memperkenalkan budaya dan tradisi orang Ainu ini ke peringkat nasional dan juga antarabangsa. Orang Ainu ini dikatakan bukan keturunan orang Jepun moden kerana perbezaan dari segi bentuk fizikal,<sup>6</sup> cara hidup dan bahasa yang mereka tutur.

Orang Mongoloid berhijrah ke pulau-pulau selatan Jepun agak terkemudian sedikit daripada orang Ainu dengan menyeberangi Selat Korea yang agak sempit dan bahaya. Orang Mongoloid ini bukan dari kalangan orang China tetapi mungkin berasal dari Korea atau Asia Tengah. Terdapat juga penghijrahan orang Mongoloid dari arah selatan China yang berkemungkinan dari pulau-pulau selatan. Orang mongoloid lelaki mempunyai kulit kekuningan, sedikit bulu di muka dan badan mereka. Pergerakan mereka meluas dari kawasan pantai barat Jepun mengarah ke timur iaitu dari pulau Kyushu ke pulau Shikoku dan menyusur ke pantai selatan pulau Honshu. Orang Mongoloid ini dipercayai sebagai asal keturunan orang Jepun moden sekarang ini yang merupakan kumpulan terbesar penduduk Jepun. Ini berdasarkan kepada persamaan yang didapati pada rupa bentuk fizikal dan keupayaan mereka menyerap cara hidup dan kebudayaan orang Cina. Selain daripada orang Cina, orang Mongoloid juga mempunyai pertalian rapat dengan orang Vietnam, Thailand, Myanmar dan lain-lain.

Proses-proses penyerapan juga berlaku di antara orang Mongoloid dengan orang Ainu dan di antara penghijrah-penhijrah dari Korea. Ada satu teori lain yang mengatakan bahawa orang Jepun berasal daripada orang Nusantara daripada kalangan orang Polynesia.

Orang Polynesia adalah penduduk di pulau-pulau Nusantara dan merupakan pelayar yang mahir. Mengikut teori ini kemungkinan orang Polynesia ini telah belayar sehingga ke negara Jepun. Tetapi memandangkan keadaan rupa bentuk fizikal dan struktur bahasa di antara kedua-dua orang ini,

adalah sukar untuk menentukan dengan jelas bahawa orang polynesia adalah asal keturunan orang Jepun.

### Budaya Manusia Zaman Awal

Penemuan-penemuan alatan batu (*stone tools*) oleh ahli arkeologi di kebanyakan tempat di kepulauan Jepun dipercayai bertarikh 25,000 tahun dahulu membuktikan telah wujud budaya manusia zaman awal. Para penyelidik juga telah menemui barangan tembikar tempawan yang menunjukkan telah wujud budaya yang maju pada 10,000 SM lagi. Terdapat pada barangan tembikar ini corak berupa tali temali atau talikod (*a rope or cord-like pattern*) yang menarik dan ianya dikenali sebagai *jomon* dalam bahasa Jepun. Nama zaman ini dinamai zaman Jomon kerana mengambil sempena corak yang terdapat pada tembikar yang ditemui itu yang melangkaui dari 10,000 SM sehingga 300 SM. Penduduk di zaman Jomon ini hidup dengan cara primitif menggunakan alatan batu, tinggal dalam rumah lubang (*pit houses*) dan menjalankan aktiviti menangkap ikan dan memungut kerang serta memburu rusa dan babi hutan.

Budaya *Yayoi* yang lebih maju menggantikan budaya Jomon pada abad ke 4 SM di pulau Kyushu. Budaya *Yayoi* berkembang mungkin kerana penghijrahan orang-orang Mongoloid melalui Selat Korea ke pulau Kyushu untuk mengelak daripada kekacauan yang berlaku di negara China pada ketika itu. Penghijrah-penghijrah ini membawa kemahiran melebur dan membentuk besi serta teknik menanam padi basah. Alatan besi telah digunakan dengan meluasnya dalam bidang pertanian seperti alatan cangkul, sabit, tajak dan lain-lain. Pada zaman ini satu alat memutar tembikar dengan menggunakan roda telah digunakan untuk menghasilkan tembikar telah digunakan dengan meluasnya. Alat ini dipanggil *yayoi* dalam bahasa Jepun dan zaman ini telah dinamai Zaman *Yayoi* mengambil sempena alat itu.

Orang zaman *Yayoi* sangat dipercayai gejala dan alamat (baik atau buruk) ke atas kejadian alam semulajadi. Mereka telah meminta pertolongan peramal atau ahli sihir untuk menjelaskan sesuatu gejala atau petanda-petanda yang membimbangkan mereka. Kepercayaan kepada peramal dan



ahli sihir serta keyakinan tentang kekuasaan yang ada pada alam semulajadi telah melahirkan kepercayaan *Shinto*. *Shinto* menganggap suatu objek itu sebagai *kami* (tuhan) jika objek itu menimbulkan perasaan takjub. Orang Jepun menghormati *kami* ini dengan melakukan penyucian seperti membasuh tangan dan mulut dengan menyediakan barang sembahsan dengan menepuk tangan dan membongkok. Kepercayaan *Shinto* tiada mempunyai etika kelakuan, balasan baik dan buruk, tiada kitab suci, tiada pengasas tetapi hanya suatu kepercayaan kepada ketakjuban alam. Seseorang penganut *Shinto* dianggap melakukan kesalahan terhadap *kami* apabila tidak menjaga kebersihan dan mencemari alam semulajadi.

Bermula pada abad ke 3 M, gelombang penghijrahan kedua dari benua Asia ke kepulauan Jepun telah berlaku. Penghijrah ini mempunyai kemahiran tinggi dalam pertanian dan mahir membuat senjata. Mereka telah menyeberangi Selat Korea dan menduduki kawasan barat pulau Kyushu. Mereka telah menghalau penduduk asal di kawasan persekitaran itu ke pulau Shikoku dan Honshu. Mereka ini mempunyai kemahiran untuk membina makam-makam besar yang dipanggil sebagai *kofun* dalam bahasa Jepun. Oleh kerana terdapat banyaknya *kofun* dibina di zaman ini, maka zaman ini dikenali sebagai Zaman *Kofun*.

Orang zaman *kofun* ini mendiami kawasan-kawasan yang berdekatan dengan lembah sungai dan tanah rata yang sempit. Mereka ini diletakkan di bawah penguasaan sesebuah keluarga atau kumpulan *uji* dominan yang menjadi menjadi pemerintah kawasan baru itu. Manakala majoriti penghijrah yang lain bekerja sebagai pekerja atau pun menjadi hamba. Keluarga pemerintah ini hanya membentuk 10% daripada jumlah penghijrah dan mereka ini mewarisi tanah dan kausa politik. Pada zaman ini perhubungan antara orang Jepun dengan negara China sudah begitu erat. Hasil kajian para ahli arkeologi terhadap makam-makam yang terdapat di kawasan 3 pulau utama Jepun mendapati bahawa penemuan tinggalan-tinggalan sejarah seperti cermin tembaga, pedang dan baju besi serta patung-patung tanah liat telah dipengaruhi oleh zaman budaya maju kerana perhubungan dengan negara China dan Korea.

## Pembentukan Negara Yamato

Kepulauan Jepun sebelum pembentukan negara Yamato masih tidak mempunyai nama, tiada sistem bahasa yang seragam, tiada sistem pentadbiran pusat dan tiada bandar kota. Tetapi pada abad ke 6 M, sebuah keluarga *uji* di Yamato (terletak di pulau Honshu) telah melakukan penaklukan keluarga-keluarga uji yang berdekatan. Selain itu keluarga ini juga membuat perjanjian damai dengan kumpulan-kumpulan uji yang ingin berkompromi melalui perkahwinan dan hubungan diplomatik. Lama kelamaan keluarga ini bertambah kuat dan sangat berkuasa. Ketua keluarga Yamato ini mendakwa mempunyai kuasa ghaib yang menghubungkan mereka dengan dewi matahari. Ketua keluarga Yamato ini bertindak sebagai maharaja dan melantik ketua keluarga uji yang lain sebagai menteri yang mengetuai jabatan ketenteraan, keagamaan, pertanian dan jabatan-jabatan lain.

Pada peringkat awal pembentukan negara Yamato terdapat banyak pertelingkahan di antara keluarga-keluarga uji apabila pemilihan raja mahkota dibuat. Ini disebabkan oleh status maharaja yang memerintah negara Yamato di mana baginda dibenarkan untuk memiliki ramai isteri dan gundik. Situasi ini menyebabkan ramai ketua-ketua keluarga uji telah mengahwinkan anak mereka dengan maharaja. Masing-masing ketua keluarga uji dengan cara baik atau jahat cuba mempengaruhi maharaja supaya melantik keturunan mereka sebagai raja mahkota. Perbuatan ini telah menyebabkan berlakunya pembunuhan dan pengkhianatan lantas kacau bilau banyak berlaku.

Situasi ini berubah apabila pada 593M maharani Suiko telah menaiki tahta dan memerintah negara Yamato bersama anak saudaranya putera Shotoku. Putera Shotoku bertindak sebagai ketua penasihat kepada kerajaan dan telah berusaha untuk menyatupadukan negara Yamato. Putera Shotoku telah menstruktur gaya pemerintahan negara mengikut model pemerintahan negara China kerana pada masa itu pengaruh negara China telah menjadi semakin kuat apabila kemasukan agama Buddha.

*"After adopting the Chinese system for keeping track of time, Shotoku in A.D. 604 drafted a code of seventeen articles based on Confucian ethics as a guide for the behavior of officials and the general population."*

(Ganley A.C, 1989:19)

Semasa pemerintahan putera Shotoku ancaman dari luar dan dalam telah meningkat dengan ketaranya. Baginda telah melakukan banyak pembaharuan untuk membendung ancaman-ancaman tersebut. Di antara pembaharuannya ialah pengenalan *Perlembagaan Tujuh Belas Artikel* pada 604 M. Perlembagaan ini merupakan peniruan perlembagaan kerajaan China yang menjadi panduan berkelakuan bagi pegawai kerajaan dan rakyat biasa. Perlembagaan ini juga memperuntukkan kuasa sepenuhnya kepada maharaja dan maharani dalam pemerintahan negara namun ia juga memberi penekanan agar semua orang bawahan mesti menghormati ketua mereka dan ketua juga mempunyai tanggungjawab kepada orang bawahan.

Selepas kematian Putera Shotoku, perlembagaan baharu iaitu *Pembaharuan Taika* telah ditulis oleh para pelajar Konfusi dalam istana Yamato pada 646 M. Perlembagaan ini merupakan teks perlembagaan yang menjadi intipati kepada kerajaan dan sistem imperial Jepun. Di dalamnya diperakukan bahawa semua wilayah di negara Jepun adalah milik maharaja dan pegawai kerajaan diwajibkan mengambil peperiksaan pegawai kerajaan ala kerajaan negara China.

*"In 646 Emperor Kotoku issued an edict, the Taika Reform (Great Change), that transferred to himself ownership of all the rice land and clarified his power to appoint all sixty-six provincial governors as well as lesser officials."*

(Ganley A.C, 1989:20)

Semasa pemerintahan maharaja Kotoku kedudukan maharaja diperkuatkan lagi dengan berkuatkuasanya perlembagaan Pembaharuan Taika. Maharaja menguasai semua tanah sawah dan untuk memudahkan kerja-kerja pentadbirannya, maharaja telah melantik 66 gabenor wilayah dan pegawai-pegawai wilayah yang lain. Lama kelamaan sistem pemerintahan pusat bertambah baik, maka pembentukan sebuah negara yang mempunyai sistem pentdbiran pusat yang sistematik telah dapat dihasilkan.

### Ciri-ciri Asas Peradaban

Sesebuah masyarakat itu dikatakan mempunyai peradaban sekiranya mempunyai beberapa ciri asas peradaban. Mengikut Hashim Musa di dalam bukunya yang bertajuk *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*<sup>5</sup> ciri-ciri asas peradaban mesti mempunyai 1) penempatan manusia atau beberapa pusat perbandaran, 2) hayat penghidupan yang stabil, 3) wujudnya organisasi dan institusi sosial, 4) adanya bahasa dan sistem tulisan, 5) adanya undang-undang, norma dan ethos dan 6) lahir serta meningkatnya daya pemikiran falsafah, etika moral dan metafizik atau keagamaan, sains, teknologi, daya kreatif seni, pendidikan, pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan.

#### (1) Penempatan manusia atau beberapa pusat perbandaran

Menurut catatan *Kojiki* (Rekod Perkara-Perkara Purba) empayar Jepun telah ditubuhkan pada tahun 660 SM iaitu pada zaman Yayoi.<sup>6</sup> Empayar ini ditubuhkan oleh Maharaja Jimmu yang merupakan maharaja kelima dari keturunan Dewi Matahari. Maharaja Jimmu telah menjadikan Kashiwara ibu kota kerajaan Yamato. Kepesatan pembangunan dalam kerajaan Yamato telah berlarutan sehingga zaman Kamakura yang menyebabkan ramai kaum petani tinggal di sekitar pekan-pekan atau bandar-bandar besar seperti Kyoto, Osaka dan Nara.<sup>7</sup> Pertumbuhan bandar-bandar besar ini disebabkan oleh terdapatnya konsentrasi penempatan yang agak besar dan permintaan terhadap barangan keperluan harian seperti beras, sayur-sayuran dan hasil-hasil pertukangan sangat

tinggi. Perniagaan yang menguntungkan ini makin hari telah menarik lebih ramai kaum peniaga dan penduduk-penduduk untuk mendiami kawasan-kawasan perbandaran kerana bekalan barangan harian senang didapati.

Bukti terdapatnya penempatan yang pesat ini mengesahkan bahawa Jepun telah mempunyai konsentrasi penempatan manusia yang besar dan telah mempunyai beberapa pusat perbandaran yang merupakan ciri asas pertama peradaban.

## (2) Hayat penghidupan yang stabil

Sebuah catatan utusan negara China yang diterbitkan pada 297 M ada menyebut tentang jangka hayat penghidupan stabil yang panjang orang-orang Jepun.

*"The people live long, some to one hundred and others to eighty or ninety years. Ordinarily, men of importance have four or five wives; the lesser ones, two or three. Women are not loose in morals or jealous. There is no theft, and litigation is infrequent".*

(Ganley A.C, 1989:15)

Catatan tersebut menyebut bahawa jangka hayat orang-orang Jepun pada ketika itu sudah pun menjangkau 100 tahun, 90 tahun dan 80 tahun. Walaupun orang Jepun awal ini tidak mempunyai sistem pemerintahan pusat sebagai sebuah negara tetapi setiap kumpulan *uji* atau kumpulan masyarakat sudah mempunyai peraturan-peraturan dan undang-undang yang membendung mereka daripada bertindak liar. Keadaan aman damai ini telah melahirkan kehidupan yang harmoni, kepatuhan kepada undang-undang, kesejahteraan bermasyarakat dan sikap toleransi di antara ahli kumpulan telah menyumbang kepada jangka hayat penghidupan yang agak panjang. Ini telah membenarkan orang Jepun menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan yang banyak untuk menjadikan mereka satu bangsa yang matang dan kuat

supaya dapat memperbaiki keadaan sosial dan budaya mereka. Menerusi kematangan dan pengetahuan yang diperolehi daripada proses pembelajaran dan pengajaran yang dilalui oleh orang Jepun dalam jangka masa yang panjang telah menjadikan asas kepada proses ketamadunan mereka.

### (3) Wujudnya organisasi dan institusi sosial

Masyarakat Jepun pada mulanya terpecah-pecah mengikut kumpulan *uji*. Setiap kumpulan *uji* ini mempunyai organisasinya sendiri yang terdiri daripada seorang ketua dan pembantu-pembantunya. Pergeseran di antara kumpulan *uji* ini sering berlaku kerana bilangannya sangat banyak. Tetapi kumpulan *uji* dari Yamato telah berjaya menguasai kumpulan-kumpulan lain dan menjelang kurun ke 4 M kekuasaan kumpulan Yamato telah meluas ke seluruh negara Jepun kecuali di beberapa daerah di Kyushu.<sup>8</sup> Kekuasaan kumpulan *Yamatai* (Yamato) juga dapat dilihat apabila berjaya mendapatkan hegemoni ke atas kumpulan-kumpulan lain.<sup>9</sup> W.G. Aston dalam bukunya *The History of Japanese Literature* menyebut,

*The first historical fact to be gleaned from the legendary stories which have been preserved to us in the ancient Japanese annals is an invasion of the central part of the country, already settled by men of Japanese race, by a conquering army from the western island of Kiushiu. Their leader, Jimmu Tenno, who is recognized as the first Mikado, established his capital in the province of Yamato at a time which it is best to indicate vaguely as a few centuries before Christian epoch.*

(Aston W.G, 1986:5)

Dengan tertubuhnya kerajaan Yamato telah mewujudkan institusi atau organisasi sosial dalam bidang politik. Struktur kerajaan Yamato telah dikaji semula pada tahun 702 M dengan memperkenalkan Kod Taiho (*Taihoryo*) di mana kerajaan pusat telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Jabatan Pemujaan (*Jingi-kan*) dan Jabatan Negara (*Dajo-kan*). Negara

Jepun juga telah distruktur semula mengikut wilayah (*kuni*) dan wilayah-wilayah ini ditadbirkan oleh gabenor-gabenor (*kami*) yang dilantik oleh kerajaan pusat. Wilayah-wilayah ini dibahagikan pula mengikut daerah-daerah (*Gun / Kori*) yang ditadbir oleh gabenor daerah yang diberi nama *Gunshi*. Bilangan wilayah ini bertambah apabila pembukaan tanah baru dilakukan. Pada kurun ke 8 terdapat 66 wilayah dengan 592 daerah di negara Jepun.<sup>10</sup>

Di bidang ekonomi pula, kemasukan alat-alat logam dari benua Asia terutamanya dari negara China telah melahirkan suatu bentuk ekonomi berbentuk pertanian di negara Jepun. Kemasukan teknologi pertanian di zaman Yayoi ini telah berkembang sehingga ke zaman Kamakura di mana terdapatnya pertumbuhan pesat dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian dan pembuatan alat-alat pertanian. Akibat daripada pertumbuhan ini telah muncul banyak pasar-pasar dan kedai-kedai untuk memasarkan hasil-hasil dan alat-alat pertanian. Situasi ini memberi laluan kepada proses perbandaran yang meluas.

Perkembangan dalam bidang pertanian telah menghasilkan kepelbagaian terhadap hasil pengeluaran pertanian tetapi tanaman padi yang merupakan makanan utama telah diberikan perhatian khas. Sistem penanaman dan penuaian padi telah diperbaharui dengan sistem yang lebih berkesan dengan memperkenalkan baka padi jenis baru yang diimport dari Indochina. Tanah-tanah baharu telah dibuka untuk penanaman padi dan teknik-teknik pengairan telah digunakan dengan meluas. Keadaan ini telah menyumbang kepada lebih pengeluaran padi. Apabila amalan menyimpan beras dan tanaman lain berkembang, maka wujud jurang perbezaan di antara orang kaya yang banyak menyimpan hasil-hasil pertanian dengan orang-orang miskin.

Selain daripada padi, tanaman-tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, teh, barli dan gandum juga ditanam dengan jayanya. Keadaan ini telah menggalakkan kegiatan perekonomian yang pesat lalu melahirkan pertumbuhan ekonomi kewangan. Pertukaran wang dalam perniagaan dengan menggunakan wang syiling tembaga telah merancakkan lagi ekonomi Jepun pada ketika itu. Wang syiling

tembaga ini juga digunakan untuk membayar cukai dan dalam urusan jual beli yang lain. Pada kurun ke 14 M, wang logam diperkenalkan untuk menyenangkan kegiatan perdagangan. Ekoran daripada pertumbuhan perekonomian ini telah menggalakkan juga permintaan terhadap hasil pertukangan dan hasil-hasil lain seperti barang-barang perak dan tembaga, barang-barang tembikar, hasil laker (*lacquered produce*), lukisan-lukisan dan ukiran dan lain-lain. Pertumbuhan pelbagai kegiatan ekonomi ini telah mendorong kepada kemunculan kelas masyarakat yang baharu iaitu golongan pedagang kepada kelas perwira (*samurai*), petani dan petukang.

#### (4) Bahasa dan Sistem Tulisan

##### Bahasa Jepun

Terdapat 3 teori utama tentang asal-usul bahasa Jepun:-

1. Bahasa Jepun adalah bahasa Altaic yang mempunyai kaitan dengan bahasa Korea, Mongolia, Turki dan lain-lain.
2. Bahasa Jepun adalah bahasa Austronesia yang mempunyai kaitan dengan bahasa Papua, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa pasifik yang lain.
3. Bahasa Jepun adalah bahasa di sekitar Asia Tenggara yang mempunyai kaitan dengan bahasa Vietnam, Myanmar, Tibet dan Tamil.

*It's often conveniently assumed, perhaps as the least unlikely hypothesis, that Japanese in this widest (controversial) perspective is an Altaic language on an Austronesian substratum.*

(Takeuchi 1999:5)

Bahasa Jepun dipercayai berasal daripada bahasa Altaic di dalam substratum Austronesia. Ini boleh dibuktikan apabila menjejaki penghirahan orang Yayoi daripada semenanjung Korea yang membawa bersama mereka bahasa Altaic. Bahasa yang dibawa oleh orang Yayoi ini kemudian bercampur



dengan bahasa-bahasa yang sudah pun ada di kepulauan Jepun pada waktu itu dan bahasa itu mungkin berasal daripada bahasa Austronesia.

Struktur ayat bahasa Jepun sangat berbeza dengan struktur ayat bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau pun bahasa China. Ini adalah kerana struktur bahasa-bahasa tadi menggunakan struktur SVO (subject + Verb + Object). Manakala bahasa Jepun mempunyai struktur ayat SOV di mana kata kerja diletakkan di bahagian akhir ayat. Contoh di bawah menerangkan dengan jelas struktur ayat bahasa Jepun.

Cth.1. (Bahasa Inggeris) → I give you a book.  
(subjek (I) + kata kerja (give) + objek (you) a book).

Cth.2. (Bahasa Jepun) → わたしは あなたに 一冊本を あげる。

(a) (subjek (I) + objek (you) a book) + kata kerja (give).

(b) (objek (you) a book + kata kerja (give)).

(Tamamura F, 1992:11)

Contoh 1 adalah struktur ayat bahasa Inggeris yang mengikut struktur SVO di mana objek ayat diletakkan di akhir sesebuah ayat. Manakala struktur ayat bahasa Jepun pula mengikut struktur SOV seperti contoh 2 (a) yang meletakkan kata kerja di akhir ayat. Bagi contoh 2 (b) pula memperlihatkan bahawa bahasa Jepun dibolehkan menggunakan sesebuah ayat tanpa menggunakan subjek. Bahasa Jepun adalah merupakan bahasa dwi-syllable (di-syllable language) di mana kebanyakan daripada perkataannya terbentuk daripada dua syllable dan bagi tiap-tiap syllable mesti mengandungi satu konsonan dan satu vowel yang dipanggil sebagai sistem CV (CV syllabic system). Bahasa Jepun tidak mempunyai sistem tiga syllable CVC dan sekiranya konsonan tidak diikuti dengan vowel maka ianya dipanggil sebagai syllable tunggal (single syllable). Contohnya perkataan 'shinbun' (suratkhabar), ia mengandungi empat syllable iaitu /shi/ + /n/ + /bu/ + /n/ di mana syllable /n/ adalah syllable tunggal. Sistem yang

sama ini juga digunakan dalam penulisan puisi Jepun dahulu dan sekarang.

Perkataan bahasa Jepun boleh dijeniskan mengikut dari mana ia diperolehi. Perkataan yang ditulis dengan tulisan *kanji* adalah disebut sebagai *Kango* (漢語) yang menggunakan seratus peratus sistem bunyi bahasa China. Manakala perkataan yang berasal daripada negara Jepun sendiri dikenali sebagai *Wago* (和語) yang menggunakan atau tidak huruf *kanji*, tetapi menggunakan bunyi bahasa Jepun seratus peratus. Ada juga mengelarkan jenis perkataan sebagai *Yamatokotoba* (bahasa Yamato). Bahasa-bahasa Eropah dan bahasa-bahasa lain yang dipinjam ke dalam bahasa Jepun ini dikenali sebagai *Gairaigo* (外来語). Terdapat juga perkataan-perkataan yang dicipta dengan menggabungkan dua jenis perkataan dan perkataan ini dipanggil *konshuugo* (混種語). Sebagai contoh, menggabungkan satu perkataan jenis *gairaigo* dengan satu *kango* seperti *スナップ写真* di mana *スナップ* (*gairaigo*) (*スナップ* (*kango*)) dan *日曜日* di mana *日* (*wago*) *曜* (*kango*) *日* (*wago*). (Tamamura F, 1992:7). Tidak dapat dinafikan bahawa perbendaharaan kata bahasa Jepun telah diperkayakan lagi dengan penerimaan perbendaharaan kata bahasa asing. Selain daripada negara China, Jepun juga mengimport perbendaharaan kata daripada Eropah terutamanya dari bahasa Belanda, Inggeris, Jerman dan juga mungkin Russia. Penciptaan perkataan-perkataan baru dengan menggabungkan perkataan tersebut dengan jenis perkataan yang lain juga giat dilakukan.

## Tulisan

*The oldest term is yamatokotoba from yamato no kotoba or yamato no koto no ha 'words/language of Yamato', where Yamato refers to the area around the eighth-century capital Nara.*

(Takeuchi 1999:1)

Daripada kenyataan di atas membuktikan bahawa pada kurun ke 8 M, negara Jepun telah pun mempunyai bahasa yang dipanggil sebagai *yamatokotoba* iaitu bahasa rasmi ibu

negara Yamato, Nara. Bahasa Yamato ini biasanya digunakan di dalam penulisan puisi dan catatan sejarah negara. Bahasa orang Jepun kini dikenali dengan dua istilah iaitu *Kokugo* (国語) dan *Nihongo* (日本語). *Kokugo* atau maknanya bahasa kebangsaan juga bahasa Jepun tetapi merujuk kepada matapelajaran di sekolah atau salah satu subjek ilmu kaji bahasa. *Nihongo* pula maknanya bahasa Jepun digunakan untuk merujuk kepada objek kajian linguistik dan pengajaran bahasa Jepun kepada pelajar bukan natif Jepun.

*"Although the Archaic period has left us but few literary monuments, it is marked by two events of prime importance for the development of literature in Japan. One is the introduction of the art of writing, with which was associated an acquaintance with the literature and the history of China....."*

(Aston W.G, 1986:6)

Agama Buddha disebarkan oleh sami-sami Buddha menggunakan kitab-kitab yang ditulis menggunakan huruf *kanji* (sinogram). Huruf-huruf *kanji* ini tersebar meluas penggunaannya apabila tersebarnya ajaran agama Buddha. Selain daripada kitab-kitab agama Buddha, hasil-hasil penulisan lain juga ditulis dengan menggunakan huruf *kanji* sejak zaman Nara lagi. Kebanyakan perkataan bahasa Jepun (60%) berasal daripada bahasa China. Hasil-hasil penulisan awal bahasa Jepun yang menggunakan huruf *kanji* adalah seperti *Manyoshu* (koleksi puisi), *Perlembagaan Tujuh Belas Artikel*, *Pembaharuan Taika dan Kod Taiho (Taihoryo)* yang ditulis pada zaman Yamato adalah satu sumbangan besar bahasa China terhadap sistem tulisan Jepun. Pada zaman Nara pula orang-orang Jepun telah berjaya menghasilkan kesusasteraan mereka sendiri menggunakan tulisan China (*kanji*). Hasil-hasil yang terkenal zaman itu adalah penulisan sejarah atau historiografi iaitu *Kojiki* dan *Nihonshoki (Nihongi)*. Pada kurun ke 11 M, ketika zaman Heian sistem tulisan *kana* telah dicipta di istana Heian Kyo. Reischauer dalam bukunya, *The Story Of A Nation*, berpendapat bahawa pada lewat kurun ke 10 dan ke 11 merupakan zaman keemasan bagi perkembangan prosa

Jepun. Hasil kesusasteraan yang luar biasa pada zaman ini ialah sebuah novel yang bertajuk *The Tale Of Genji* (Hikayat Genji) yang telah ditulis oleh Lady Murasaki dalam kurun ke 11 M dengan menggunakan huruf kana.<sup>13</sup> Tulisan *kana* ini telah dicipta berdasarkan daripada huruf *kanji* dan dipermudahkan untuk membentuk huruf yang berbeza. Dua set huruf *kana* dicipta iaitu *hiragana* dan *katagana*. Hiragana adalah huruf yang digunakan untuk mengeja perkataan-perkataan bahasa Jepun manakala huruf *katagana* pula adalah huruf yang dicipta untuk mengeja perkataan-perkataan daripada bahasa pinjaman. Sistem tulisan *kana* telah memberi rangsangan yang utama terhadap perkembangan puisi (waka) seperti *Kokinshu* (Poem, Ancient and Modern) dan lain-lain. Penulisan prosa juga berkembang apabila banyaknya hikayat-hikayat ditulis seperti *Makura zoshi* (Pillow Book), *Tosa Nikki* (Tosa Dairy), *Taketori Monogatari* (Hikayat pemungut buluh), *Ise monogatari* (Hikayat Ise) dan lain-lain.

Walaupun dari pertengahan zaman Heian pengaruh China dan Korea dihentikan namun pengaruh yang dimainkan oleh bahasa China dalam perubahan bahasa Jepun amat ketara sekali. Hingga kini juga bahasa Jepun masih menggunakan tulisan China (*kanji*) di samping huruf-huruf *kana* untuk menulis.

##### (5) Undang-Undang, Norma dan Ethos

Di akhir pemerintahan Maharani Suiko (592 M hingga 628 M) kumpulan-kumpulan yang bergabung dengan beliau menampakkan penentangan terhadap hegemoni Yamato. Pihak istana Yamato yang diketuai oleh pemangku raja iaitu Putera Shotoku telah membuat perubahan terhadap pentadbiran negara dengan memperkenalkan undang-undang atau perlembagaan Tujuh Belas Artikel (*The Seventeen Article constitution*) yang berdasarkan kepada perlembagaan kerajaan China pada 604 M. Perlembagaan ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip konfusianisme yang menekankan bahawa alam sejagat (*universe*) mengandungi tiga kerajaan (*realms*) iaitu syurga, manusia dan bumi dan maharaja diberikan amanah untuk menjaga rakyat jelata yang merupakan

wasiat dari syurga. Oleh kerana itu semua rakyat mesti mematuhi undang-undang supaya dapat menjamin kehidupan mereka direstui oleh 'pemerintah di syurga'. Artikel ini juga menekankan kebaikan dalam ajaran konfusianisme seperti harmoni, keadaan tersusun dan kepentingan pembangunan moral pegawai-pegawai kerajaan.

Berdasarkan kepada peredaran masa dan keperluan, pada 645 M satu lagi reformasi dalam pentadbiran negara telah dilakukan dengan memperkenalkan Perlembagaan Taika / Reformasi Undang-Undang Taika (*Taika Reform Edicts*). Undang-undang ini telah ditulis dan dibiayai oleh pelajar-pelajar konfusianisme di istana Yamato.

Kesedaran pelajar-pelajar ini terhadap institusi raja telah mendorong mereka merangkakkan satu undang-undang yang merupakan elemen penting dalam menubuhkan sistem imperial Jepun. Undang-undang ini menekankan bahawa maharaja bukan lagi merupakan ketua kepada kumpulan-kumpulan uji tetapi maharaja yang dilantik oleh pemerintahan Syurga (*Decree of Heaven*) dan mempunyai kuasa mutlak. Negara Jepun merupakan wilayah-wilayah yang dipunyai oleh maharaja dan diperintah oleh kerajaan pusat. Reformasi undang-undang ini menuntut semua pegawai kerajaan menjalankan reformasi yang ketat dan menunjukkan tahap moral yang tinggi serta mempunyai kelayakan birokrasi yang terbaik.

#### (6) Pemikiran Falsafah, Etika dan Moral

Daya pemikiran falsafah orang Jepun pada zaman dahulu dapat dilihat daripada hasil-hasil sastera yang mereka cipta. *Manyoshu* (Koleksi Sepuluh Ribu Daun) adalah koleksi puisi Jepun yang pertama, dipercayai ditulis separuh pertama kurun ke 8 M dan merupakan bentuk tradisi kesusasteraan Jepun. Pada kurun ke 18 M, *Motoori Norinaga* (1730-1801) seorang sasterawan dan linguist telah menemui ciri-ciri penting kesusasteraan Jepun dan minda orang Jepun semasa mengkaji *manyooshu*. Ciri yang paling penting adalah *mono no aware* (sensitivity of things) iaitu satu kecenderungan untuk memahami sifat simpati

terhadap objek dan alam semula jadi secara langsung tanpa sebarang meditasi. Orang Jepun dapat memahami situasi alam ini secara langsung dengan mengenal diri mereka sendiri dan dapat menggunakan bahasa mereka untuk meluahkan perasaan yang berhubung dengan alam. Motoori berpendapat bahawa nilai keindahan yang terdapat pada puisi-puisi dalam *Manyoshu* banyak menunjukkan kecenderungan ini. Teks puisi dan teks sejarah dipercayai mewakili "keseluruhan kehidupan" yang bermakna kerana semua alam semula jadi dalam kehidupan digerakkan oleh kehendak tuhan lantas manusia mengalami keseluruhan kehidupan ini apabila bertembung dengan benda (*mono/thing*). Maka lahirlah konsep *mono no aware* (*sensitivity of thing*) yang menjadi konsep atau falsafah di Jepun sehingga kini.

Kepercayaan agama orang Jepun purba dikenali sebagai *Shinto* yang membawa maksud 'cara tuhan-tuhan' (*way of the god*) telah wujud lebih awal daripada Konfusianisme atau pun Buddha.<sup>14</sup> Agama Shinto ini tidak mempunyai prinsip-prinsip moral atau pun doktrin-doktrin falsafah seperti agama Buddha atau Islam. Pengasas kepada agama Shinto ini juga tidak diketahui, tiada mempunyai kitab-kitab dan tiada guru-guru. Shinto merupakan suatu jenis pemujaan alam dan pemujaan roh-roh nenek moyang. Beberapa pernyataan boleh dibuat secara am tentang agama Shinto ini. Pertama, agama Shinto awal adalah agama suku dan ianya bukan agama sesebuah negara. Setiap suku atau kumpulan yang pada asalnya berhijrah ke Jepun dari Korea telah mengekalkan kepercayaan mereka ini walaupun selepas mereka menjadi sebuah negara yang sah. Kedua, semua kumpulan ini mempercayai *kami* iaitu tuhan kumpulan mereka. Setiap kumpulan yang merupakan unit politik, militari dan keagamaan menyembah dan mempercayai satu *kami* yang mereka anggap sebagai pengasas kepada keturunan kumpulan tersebut. Apabila kumpulan ini berkembang dengan cara peperangan, kumpulan yang kalah itu dipaksa untuk menyembah dan mempercayai *kami* kumpulan yang menang itu. Ketiga, Shinto melibatkan penyembahan di tempat ibadat dan yang paling terkenal

adalah Kuil Izumo yang terletak di pantai Laut Jepun. Biasanya kuil Shinto ini didirikan di kawasan yang bersih di kelilingi oleh pohon-pohon atau di keliling oleh batu-batu. Kuil Shinto ini biasanya adalah sebuah bilik dan seseorang perlulah membasuh tangan dan mukanya sebelum memasuki kuil tersebut.

Agama Buddha mula diperkenalkan di negara Jepun pada pertengahan kurun ke 6 M tetapi ianya berkembang dengan pesatnya pada kurun ke 7 M. Agama Buddha ini masuk ke negara Jepun melalui semenanjung Korea. Pada 552 M, istana Paekche (kerajaan Korea purba) telah menghantar sebuah imej Buddha, beberapa kitab suci agama Buddha dan seorang wakil Buddha kepada kerajaan Yamato. Dengan perhubungan ini tiga perkara yang diimport daripada Korea iaitu tulisan, Konfusianisme dan Buddhisme. Perkara-perkara tersebut telah merubah budaya orang Jepun. Agama Buddha berkembang dengan pesatnya pada kurun ke 7 M kerana mendapat perhatian dan minat yang penuh daripada Putera Shotoku yang merupakan pemangku raja kerajaan Yamato. Baginda bukan sahaja disebut sebagai pengasas agama Buddha di Jepun tetapi juga digelar sebagai *wali pertama* agama Buddha. Baginda juga merupakan seorang penaung yang gigih dalam memperkembangkan pendidikan dan menggunakan pengaruh agama Buddha ini untuk memperteguhkan pengetahuan baginda tentang dunia.

Memandangkan pengaruh agama Buddha ini semakin hari semakin meningkat, maka pihak kerajaan pada ketika itu telah menghantar para pelajar ke negara China untuk menimba dan mendalami lagi ajaran agama Buddha. Para pelajar ini apabila balik semula ke Jepun telah menggunakan kepakaran mereka untuk mempengaruhi pihak istana agar melakukan perubahan-perubahan dalam sistem pemerintahan negara. Para pelajar ini diberikan kepercayaan untuk merangka dan menyiapkan pembaharuan-pembaharuan itu. Maka lahirlah *Perlembagaan Taika* yang merangkumi aspek-aspek politik, pentadbiran, kebudayaan dan pelajaran. Justeru itu dengan terlaksananya *Perlembagaan Taika* ini ia telah mempercepatkan lagi pengaliran masuk idea-idea,

pemikiran dan nilai-nilai moral agama Buddha dan Konfusianisme ke negara Jepun. Pembinaan kuil Buddha dilakukan di serata negara dan yang paling masyhur ialah kuil Horyuji yang dibina pada 607 M yang merupakan bangunan kayu tertua di dunia. Beberapa kurun kemudian terbina pula patung Buddha yang masyhur di Nara yang dipanggil sebagai *Daibutsu*.

Menjelang tahun 500 SM perhubungan dengan benua Asia atau lebih tepat lagi semenanjung Korea, membawa kepada pengenalan teknologi penanaman padi oleh masyarakat pertanian yang berasaskan budaya Yayoi. Kyushu juga dikenali sebagai penerima awal kemasukan teknologi seni logam tembaga dan besi daripada benua Asia. Kemajuan teknologi canggih masuk ke negara Jepun pada zaman Yayoi ini selain padi sawah, adalah seperti alat tenunan, pembuatan barang daripada gangsa dan lain-lain.

### **Kesimpulan**

Jepun sebuah negara pulau telah mencapai asas peradabannya sejak daripada zaman Yayoi lagi iaitu lebih kurang dari kurun ke 6 M lagi. Pembentukan sebuah negara yang dinamakan Yamato telah menyediakan penempatan manusia untuk menjalankan aktiviti penghidupan yang sesuai sebagai kawasan peradaban. Peradaban negara Jepun di peringkat awal ini dibantu oleh perhubungannya dengan negara China dan Korea. Menerusi kedua-dua negara inilah Jepun mengimport banyak elemen-elemen yang penting untuk kemajuan dan seterusnya meningkatkan lagi peradabannya. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, pada zaman dahulu negara Jepun telah memenuhi ciri-ciri untuk menjadi sebuah negara yang mempunyai peradaban yang hebat.



### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Ganley A.C, 1989:4
- <sup>2</sup> *The History of Han* dlm. Takeuchi L, 1999:2.
- <sup>3</sup> Takeuchi L, 1999:2
- <sup>4</sup> Ganley A.C, 1989:7.
- <sup>5</sup> Ohno Susumu:1970:8
- <sup>6</sup> *Tamadun Melayu Islam* 2001:30
- <sup>7</sup> Rajendran M, 1988:6.
- <sup>8</sup> Rajendran M, 1988:20.
- <sup>9</sup> Rajendran M, 1988:2.
- <sup>10</sup> Takeuchi 1999:2.
- <sup>11</sup> Rajendran M, 1988:7.
- <sup>12</sup> Rajendran M, 1988:14.
- <sup>13</sup> Rajendran M, 1988:4.

### Rujukan

- Aston. W.G.(1972). *A History Of Japanese Literature*. Charles E. Tuttle Company, Rutland, Vermont & Tokyo.
- Ganley, Albert C. (1989). *JAPAN: A Short History*. Wayside Publishing, Concord.
- Hashim Bin Hj. Musa. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ohno, Susumu. (1970). *The Origin of The Japanese Language*. Kokusai Bunka Shinkokai, Tokyo.
- Rajendran. M. (1998). *Sejarah Jepun*, Aneka buku Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Takeuchi, Lone.(1999). *The structure And History Of Japanese: From Yamatokotoba to Nihongo*. Pearson Education Limited, New York.
- Tamamura, Fumio. (1992). *For Student Learning Japanese Language (Nihongogaku Wo Manabu Hito No Tame Ni)*. Sekai Shishosha, Tokyo, Japan.
- Tamadun Islam dan Tamadun Asia. (2004). Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.